




Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) selaku sekretariat bagi Anugerah Pendidik Cemerlang telah mengadakan *Seminar on Scholarship of Teaching and Learning (SoTL)* buat kali kedua pada 14 Mac 2010 yang lalu di EDC.

Seminar ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dengan dua tokoh pendidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang merupakan antara penerima anugerah utama yang dipertandingkan di dalam Anugerah Akademik Negara (AAN) 2008. Selain mempelajari beberapa kaedah pengajaran berkesan yang boleh digunakan oleh pensyarah di dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Mereka ialah profesor bidang teknologi makanan di Pusat Pengajian Teknologi Industri USM iaitu Prof. Dr. Abd Karim Alias yang telah menerima Anugerah Pengajaran bagi kelompok Sains Gunaan manakala Pensyarah Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan USM iaitu Prof. Madya Dr. Zainal Ariffin Ahmad yang telah menerima Anugerah Pengajaran bagi kelompok Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan.

Prof. Dr. Abd Karim Alias dalam ceramahnya berkata, pelajar pada abad ke-21 ini merupakan generasi yang telah terdedah dengan peralatan teknologi maklumat sejak dari kecil lagi. Justeru kata beliau, pensyarah perlu peka kepada perkembangan teknologi maklumat di dalam menyampaikan ilmu kepada mereka.

Melalui penggunaan alatan media seperti iPod dan Internet, pensyarah dapat berkomunikasi dan menyampaikan ilmu dengan pelbagai kaedah. Selain dapat memberi pengalaman berbeza kepada pelajar di dalam proses pembelajaran mereka.

Prof. Madya Dr. Zainal Ariffin Ahmad dalam ceramahnya pula menggalakkan pensyarah untuk lebih efektif dan inovatif dalam pengajaran supaya pembelajaran akan lebih bermanfaat, relevan, menyeronokkan dan dalam masa yang sama memenuhi keperluan kurikulum.

Mereka turut menunjukkan portfolio pengajaran yang digunakan semasa Anugerah Akademik Negara (AAN) 2008 sebagai panduan kepada para peserta dalam penyediaan portfolio pengajaran yang baik.

Seramai 49 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada pensyarah UUM dan peserta daripada institusi luar seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah, Kolej Komuniti Arau, Kolej MARA Kuala Nerang, Kolej Komuniti Bandar Darul Aman, Politeknik Tunku Syed Sirajuddin (PTSS) dan Maktab Rendah Sains MARA Kubang Pasu.

Habis.

=====
Daripada:
Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman
Tel.: 604-9284051/4053/4055/4058/4056
E-Mail: utlc@uum.edu.my
Website : www.utlc.uum.edu.my